

**FUNGSI BUJAM DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

NORSHIDAH BTE ABDUL GHANI

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

7.4.2006

NORSHIDAH BTE ABDUL GHANI

M20041000016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

7.04.2006


NORSHIDAH BTE ABDUL GHANI

M20041000016



PENGHARGAAN.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan izin dan restu Allah S.A.W , saya telah dapat menyelesaikan dan menyiapkan kajian ilmiah ini

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, sumbangan idea, bimbingan dan dorongan yang amat tinggi nilainya untuk menyiapkan kajian ini.

Kepada Dr.Ahmad Suhaimi B. Mohd. Noor selaku pensyarah dan juga penyelia kertas kerja projek ini beliau banyak memberikan dorongan, bimbingan, sokongan, sumbangan idea, tunjukajar dan seumpamanya. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato' Khalid Bin Bonget.PK, Dato' Seri Maharaja Tiang Balai Penghulu Luak Ulu Muar selaku lembaga kepada suku Ulu Muar, Haji Daud Bin Idris, Setiausaha JKKA Kampung Tanjung Jati Kuala Pilah yang telah sudi ditemu bual dan banyak memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Terima kasih juga kepada Dato' Idris Taain, Dato Seri Maharaja Tiang Balai Penghulu Luak Paya Kumbuh Kuala Pilah Negeri Sembilan, selaku lembaga kepada Suku Paya Kumbuh yang turut membantu dalam menjayakan kajian ini.

Ucapan terima kasih kepada Pn. Hajah Rokiah Bte Abdul Ghani dari suku Ulu Muar Kuala Pilah, Pn Napsiah Bte Abdul Halim dari suku Paya Kumbuh Kuala Pilah pemilik Bujam dan Bujam Epok, En Abdul Ghani Bin Abd Aziz dari suku Seri Lemak Pahang Kuala Pilah, Pn Noriah Bte Aseh dari Kampung Tanjung Jati Kuala Pilah, pemilik Bujam Epok yang turut sama menjayakan kajian ini melalui temubual-temubual dan sumbangan idea.

Terima kasih juga kepada Pn.Mariam binti Yusof dan Pn.Hasnah binti Latif pengusaha Desa Kraf Kampung Lonek Batu Kikir,daerah Negeri Sembilan yang telah banyak membantu dalam kajian ini

Ucapan terima kasih juga saya ucapan kepada pihak Muzium Negeri Sembilan, Muzium Budaya Seremban, Istana Lama Seri Menanti, Perpustakaan Cawangan Seremban dan Perpustakaan Cawangan Kuala Pilah, Pusat Kraftangan Kuala Pilah Negeri Sembilan kerana telah banyak membantu dalam menjayakan kajian ini.

Semoga Allah S.W.T juga yang dapat membalas segala jasa baik yang telah disumbangkan.

Norshidah Binti Abdul Ghani,
M20041000016
Sarjana Pendidikan Seni,
Semester 4,





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Fakulti Seni & Muzik,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim. Perak.**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

v



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui secara lebih mendalam lagi tentang fungsi Bujam dalam masyarakat Melayu Kuala Pilah Negeri Sembilan Darul Khusus yang mengamalkan Adat Perpatih. Masyarakat Melayu Negeri Sembilan memang kaya dengan adat istiadat dan adat resam yang sudah menjadi satu warisan sejak turun temurun. Dalam kajian ini pengkaji hanya mengkaji fungsi Bujam di kalangan masyarakat Melayu Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kemungkinan di negeri lain perkataan “Bujam” tidak membawa makna atau erti apa-apa. Berbeza dengan masyarakat Negeri Sembilan, perkataan **“Bujam”** memberi erti yang begitu unik dan amat bermakna dalam satu-satu majlis tertentu seperti menjemput Dato’ Lembaga, perubatan tradisional, adat peminangan dan menjemput pihak lelaki untuk kembali kepangkuhan keluarga lelaki setelah isterinya meninggal dunia. Sehubungan dengan itu amat besar makna dan fungsinya “Bujam” di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan khasnya di Kuala Pilah. Selaras sebagai sebuah masyarakat yang berpegang kuat kepada adat istiadat yang diamalkan sejak turun-temurun, ungkapan seperti:

*Kampung nan bersudut
Sawah nan berjenjang
Pucuk nan meliuk
Pinang nan berjejer
Adat pusaka diadakan.*

Oleh yang demikian, adat pusaka ini memang satu keperluan yang mesti diamalkan selari dengan corak kehidupan seharian.

ABSTRACT

This research made in order to know more on Bujam functions in Kuala Pilah, Negeri Sembilan Malay's society whose practical Adat Perpatih. Negeri Sembilan society naturally richer with customary which has been a heritage in the descent .In this research, the researcher only examine the function of Bujam among the Kuala Pilah, Negeri Sembilan's Malay society. For other state, the word "Bujam" might not bring any meaning or anything.Differ from Negeri Sembilan society, the word "Bujam" giving a unique meaning and its very meaningful in a certain functions, like invitation of Dato' Lembaga, traditional medication, marriage and invitation of a man who will return back to his family whenever his wife passed away.

Thus, the meaning and function of "Bujam" is very important among the Negeri Sembilan malay society especially in Kuala Pilah.In line as a society whose strongly believed to customary, which has been practiced since in the descent, expression like:

" Kampung nan bersudut,
Sawah nan berjenjang,
Pucuk nan meliuk,
Pinang nan berjejer,
Adat Perpatih diadakan "

I would like to thanked to Negeri Sembilan's Tradition Measum, Seri Menanti, Seremban's and Kuala Pilah Library's, Kuala Pilah Nigeria Sembilan Handcraft Centre, who helped a lot in

KANDUNGAN

Penghargaan

Abstrak

Pengakuan

Kandungan

BAB 1 : PENDAHULUAN

- 1.1 Pengenalan
- 1.2 Latar belakang kajian
- 1.3 Pernyataan Masalah
- 1.4 Objektif Kajian
- 1.5 Soalan Kajian
- 1.6 Kepentingan Kajian
- 1.7 Batasan Kajian

BAB 2 : METODOLOGI KAJIAN

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Kaedah Kajian
- 2.3 Lokasi Kajian
- 2.4 Instrumen Kajian
- 2.5 Jangkamasa Kajian
- 2.6 Penutup

BAB 3 : SEJARAH ASAL USUL BUJAM

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Sejarah Asal-Usul Bujam

BAB 4 : JENIS-JENIS BUJAM.

- 4.1 Pengenalan
- 4.2 Bujam
- 4.3 Bujam epok
- 4.4 Bujam Epok Tali berdandan

BAB 5: FUNGSI-FUNGSI BUJAM

- 5.1 Fungsi Bujam Epok
- 5.2 Fungsi Bujam Epok Tali Bertindan

BAB 6 : NILAI ESTETIKA

- 6.1 Nilai Estetika
- 6.2 Rekabentuk
- 6.3 Motif dan Lambang

BAB 7 : KESIMPULAN

- 7.1 Pengenalan
- 7.2 Ringkasan Kajian
- 7.3 Cadangan Kajian Lanjut
- 7.4 Penutup

Bibliografi**LAMPIRAN**

- Lampiran 1
- Lampiran 2
- Lampiran 3
- Lampiran 4
- Lampiran 5
- Lampiran 6
- Lampiran 7
- Lampiran 8
- Lampiran 9
- Lampiran 10
- Lampiran 11

Lampiran 12
Lampiran 13
Lampiran 14
Lampiran 15
Lampiran 16
Lampiran 17
Lampiran 18
Lampiran 19
Lampiran 20
Lampiran 21
Lampiran 22
Lampiran 23
Lampiran 24
Lampiran 25
Lampiran 26
Lampiran 27
Lampiran 28
Lampiran 29
Lampiran 30
Lampiran 31
Lampiran 32
Lampiran 33
Lampiran 34
Lampiran 35
Lampiran 36
Lampiran 37
Lampiran 38
Lampiran 39
Lampiran 40
Lampiran 41
Lampiran 42

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Negeri Sembilan yang terkenal dengan “Adat Perpatih” merupakan gabungan dari sembilan buah daerah kecil. Ia dikenali secara umumnya sebagai sebuah negeri Minangkabau yang mempunyai tradisi, budaya, adat resam dan sejarah tersendiri yang unik.

Menurut sejarahnya, penduduk Negeri Sembilan berasal dari Negeri Minangkabau di Sumatera Barat. Mereka membawa bersama-sama adat resam “*Biar mati anak, jangan mati adat*” dan kebudayaan mereka yang mana dapat digambarkan melalui reka bentuk bumbung rumah yang berbentuk tanduk kerbau (meruncing) tinggi menjolok langit. Ukiran pada pintu dan sebagainya.

Nama “Negeri Sembilan” sebagai sebuah negeri adalah berasaskan kepada gabungan sembilan buah “negeri” atau “kawasan” yang luas, yang mempunyai pembesar-pembesarnya sendiri pada suatu masa dahulu. Negeri-negeri atau kawasan-kawasan itu asalnya terdiri daripada Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelabu, Johor, Klang, Jelai, Ulu Pahang dan Segamat. Klang kemudian telah diberikan kepada Selangor, Jelai dan Ulu Pahang kepada Pahang dan Segamat kepada Johor.

Kawasan-kawasan di Negeri Sembilan kemudian terdiri pula daripada Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, Johor, Ulu Muar, Inas, Gunung Pasir, Terachi dan Jempol. Ahli-

ahli sejarah membahagikan sejarah awal Negeri Sembilan kepada tiga jangka waktu, iaitu di peringkat awal apabila negeri itu dibahagikan kepada empat “negeri” atau “luak”, yang termasuk Sungai Ujong, Klang, Jelebu, Johor; peringkat kedua iaitu jangka waktu pertengahan apabila kekempar-empat buah “negeri” tersebut digantikan dengan sembilan buah “negeri” atau “luak” yang diperintah oleh orang-orang Minangkabau tetapi di bawah takluk Johor; dan peringkat ketiga iaitu jangka waktu moden di mana empat daripada “luak” itu telah bersatu untuk menjadi sebuah negeri berperlembagaan di bawah perintah seorang Yamtuan. Pada masa kini Negeri Sembilan dibahagikan kepada enam daerah pentadbiran iaitu Seremban, Tampin, Port Dickson, Jelabu, Rembau dan Kuala Pilah.

Beberapa orang ahli sejarah berpendapat bahawa negeri yang bernama Negeri Sembilan belum wujud lagi dalam jangka waktu Sejarah Melayu ditulis, iaitu dalam tempoh 1612-1636 kerana tidak ada sebarang rujukan mengenainya. Godinho De'Eredia juga tidak menyebut nama Negeri Sembilan di dalam petanya yang dilukis dalam 1613. Di dalam jurnal Belanda, Dagh Register, yang dicatat sehingga tahun 1682, tidak ada sebutan mengenai Negeri Sembilan. Ramai ahli sejarah menganggap Negeri Sembilan diwujudkan oleh Raja Melewar apabila baginda ditabalkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan dalam tahun 1773.

Penduduk-penduduk asli Negeri Sembilan yang terdiri daripada Orang Asli boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Biduanda(kadang-kadang dikenali juga sebagai Blandas dan Mentra), Besisi dan Jakun. Negeri Sembilan pada waktu itu mempunyai bilangan penduduk yang tidak ramai,dengan kebanyakan mereka hidup berpindah-randah.

Hubungan Negeri Sembilan dengan Melaka bermula semenjak awal kurun ke-15 iaitu selepas Kesultanan Melaka diwujudkan. Kawasan-kawasan yang berdekatan dengan

Melaka seperti Sungai Ujong, Klang, Rembau dan Naning bergantung kepada Melaka disebabkan kuasa dan kepentingannya sebagai pusat perdagangan yang terbesar di rantau ini. Melaka juga merupakan tempat persinggahan orang-orang Minangkabau, yang datang ke Tanah Melayu untuk menetap di Negeri Sembilan. Melaka mempunyai hubungan yang lama dan penting dengan Negeri Sembilan

Pepatah “*Biar mati anak, jangan mati adat*” menunjukkan bagaimana kuatnya masyarakat Melayu Negeri Sembilan mengamalkan adatnya sebagai landasan (sistem hidup) seharian. Salah satu sistem yang masih kuat diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan khususnya di kawasan Kuala Pilah ialah penggunaan “Bujam”. Bujam merupakan alat atau bekas yang diperbuat daripada mengkuang atau pandan yang dianyam halus berbentuk empat segi dan di dalamnya terdapat bekas-bekas seperti kapur,gambir,kacip pinang dan sirih. Terdapat tiga jenis Bujam yang digunakan oleh masyarakat Melayu Kuala Pilah dalam upacara-upacara tertentu. Antara jenis Bujam adalah seperti berikut: Bujam, Bujam Epok dan Bujam Epok Bertindan. Ketiga-tiga Bujam ini dibuat daripada mengkuang yang dianyam halus dan begitu unik bentuknya serta binaannya. Untuk membicarakan fungsi Bujam, akan diperkatakan pada Bab 3 dalam kajian ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Beberapa jenis Bujam yang dikenal pasti yang masih terdapat di salah sebuah daerah di Negeri Sembilan dijadikan bahan kajian. Namun disebabkan arus kemodenan masyarakat masa kini, penggunaan Bujam amat kurang digunakan dalam apa juga majlis yang melibatkan masyarakat Melayu Negeri Sembilan yang berpegang kuat pada adat

resam. Oleh yang demikian, pengkaji cuba untuk mengkaji dari aspek sejarah, fungsi, nilai estetika yang terdapat pada Bujam.

Bujam kalau dilihat dari sudut kraf, akan lebih memberi makna untuk menjadi sesuatu yang boleh diketengahkan sebagai warisan bangsa dan budaya.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Bujam ialah bahan yang amat penting digunakan dalam komuniti Melayu Adat Perpatih di Kuala Pilah dalam apa juga majlis yang melibatkan adat-istiadat Minangkabau. Namun dari segi fungsi, bentuk dan nilai estetika yang ada pada Bujam tidak diketahui oleh komuniti lain selain masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Dengan demikian, pengkaji cuba untuk memperkenalkan ataupun mengetengahkan Bujam ini bagi pengetahuan masyarakat umum yang bukan pengamal adat-istiadat Minangkabau terutamanya masyarakat luar daripada Negeri Sembilan. Penggunaan Bujam ini adalah terhad kepada pengamal adat istiadat di Negeri Sembilan sahaja dan kemungkinan besar pengetahuan tentang bujam ini tidak diketahui umum sekiranya tidak ada usaha yang diambil oleh pihak tertentu untuk memperkenalkan kepada masyarakat luar.

Sehubungan dengan itu, dapatkah Bujam ini diketengahkan dan diterima pakai oleh masyarakat bukan pengamal adat Perpatih.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini sebagai satu usaha untuk memperkenalkan kepada masyarakat bukan pengamal adat perpatih tentang fungsi Bujam di kalangan masyarakat Melayu Kuala Pilah, dari aspek sejarah dan asal-usul Bujam, jenis-jenis Bujam dan nilai yang terdapat pada Bujam.

Bujam ialah salah satu kraf tradisional Melayu di Kuala Pilah, hanya golongan tertentu sahaja yang mengetahui akan nilai sejarah dan nilai seninya. Pengkaji mengharapkan hasil kajian ini nanti akan menjadi satu khazanah masyarakat keseluruhan dan dapat memartabatkan seni kraf Malaysia sama dari segi pendidikan atau seumpamanya.

Selain itu, antara objektif kajian ini ialah:-

1.4.1 Untuk mengetahui apakah peranan Bujam dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

1.4.2 Untuk mengetahui sejauh mana luasnya penggunaan Bujam dalam adat istiadat Negeri Sembilan

1.4.3 Untuk mengetahui golongan masyarakat kampung Melayu manakah yang menggunakan Bujam.

1.4.4 Untuk mengetahui keistimewaan penggunaan Bujam di kalangan masyarakat Melayu Kuala Pilah.

1.5 SOALAN KAJIAN

Perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sistem adat Perpatih telah membawa perubahan terhadap peranan Bujam dikalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan khususnya di Daerah Kuala Pilah. Kesannya ialah penggunaan Bujam itu tidak diketahui oleh masyarakat luar khasnya yang bukan berasal dari Negeri Sembilan.

Secara khususnya kajian ini dapat mengemukakan beberapa persoalan mengenai penggunaan Bujam di kalangan masyarakat Melayu di Kuala Pilah Negeri Sembilan. Antara soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden adalah seperti berikut:-

- i. Adakah peranan Bujam di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan khususnya di daerah Kuala Pilah?
- ii. Bagaimanakah penggunaan Bujam di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan, khususnya di Daerah Kuala Pilah?
- iii. Secara umumnya, masyarakat kampung manakah yang masih menggunakan Bujam, khasnya di daerah Kuala Pilah?
- iv. Apakah keistimewaan fungsi Bujam dikalangan masyarakat Melayu Kuala Pilah Negeri Sembilan?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat menjadi bahan rujukan di masa hadapan oleh para sarjana dan para pengkaji kebudayaan dan kesenian di Malaysia. Ianya juga dapat meningkatkan minat dan kesedaran tentang betapa pentingnya nilai yang ada pada



Bujam,bentuknya dan cara penggunaannya serta dapat menghargai kehalusan dan keunikian seni tradisional tempatan. Selain daripada itu ianya menjadi bahan bacaan di sekolah-sekolah. Menjadi bahan rujukan kepada masyarakat setempat dan luar, menjadi bahan rujukan kepada generasi akan datang.

Kajian ini juga akan memberitahu para penyelidik dan pembaca yang lain agar mengetahui apakah tujuan alat ini digunakan. Selain daripada itu ianya mendedahkan kepada generasi kini tentang Bujam dan kepentingannya kepada masyarakat Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas di sekitar daerah Kuala Pilah sahaja dan terhad kepada 5 buah kampung yang terdapat di daerah Kuala Pilah iaitu Kampung Batu 46, Kampung Gachong, Kampung Lonek, Kampung Tanjung Jati dan Kampung Batu Kikir.

Kajian ini juga melibatkan responden yang terhad kepada Datuk Lembaga, Buapak, Ketua Adat, Pengamal Adat Istiadat yang melibatkan 5 buah kampung di atas. Kajian ini juga mengambil masa yang terhad iaitu lebih kurang 3 bulan sahaja.

